

**NO. SOALAN : 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI  
[BATU PAHAT]**

**TARIKH : 17.03.2016 (KHAMIS)**

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [ Batu Pahat ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan setakat mana berkesannya langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian mengawal dan menurunkan harga barang keperluan harian rakyat.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah melaksanakan operasi penguatkuasaan yang tegas melalui **OPS CATUT** bermula 15 Januari 2015 dan berterusan sehingga ke hari ini. Operasi ini dibuat di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** dan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014 bagi menangani masalah kenaikan harga barang oleh peniaga.

Sehingga 14 Mac 2016, Sebanyak **2,890 Notis** di bawah Seksyen 21, AKHAP 2011 telah dikeluarkan terhadap peniaga yang disyaki mencatut. Hasil tindakan ini sebanyak **212 kertas siasatan** telah dibuka iaitu **149 kertas siasatan** di bawah Seksyen 14(1) kerana **mencatut**, **55 kertas siasatan** di bawah Seksyen 21(5) kerana **enggan atau gagal memberi maklum balas kepada notis yang dikeluarkan** dan **8 kertas siasatan** di bawah Seksyen 53A kerana **tidak menyimpan rekod perniagaan**.

Daripada jumlah ini, sebanyak **22 kes** telah didakwa di Mahkamah Sesyen Khas Antipencatutan di mana sejumlah **16 kes** telah selesai didakwa serta dijatuhkan hukuman dengan **denda keseluruhan** berjumlah **RM495,500**. Masing-masing **8 kes** di bawah Seksyen 14(1) dan **8 kes** di bawah Seksyen 21. Selain itu, terdapat **6 kes** lagi masih dalam tindakan pendakwaan di Mahkamah.

Jumlah kes yang **dikompaun** pula ialah sebanyak **14 kes** iaitu masing-masing **10 kes** di bawah Seksyen 14(1) dan **4 kes** di bawah Seksyen 21(5). Sehingga kini, **13 kes** telah **selesai dikompaun** dengan jumlah keseluruhan **RM178,000** manakala baki 1 kes dengan tawaran kompaun berjumlah **RM10,000** masih belum dijelaskan.

Selain daripada penguatkuasaan dari segi perundangan, terdapat langkah-langkah lain yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk menangani masalah kenaikan harga barang oleh peniaga adalah seperti berikut :

- i. **Mengadakan peraturan baharu** bagi memperkukuhkan keberkesanan penguatkuasaan pencatutan untuk membolehkan tindakan undang-undang diambil secara menyeluruh dalam menghadapi situasi-situasi yang boleh menyumbang kepada kenaikan harga barangan dan perkhidmatan;
- ii. **Meneruskan Kempen Penurunan Harga** yang telah dilancarkan oleh Kementerian pada 1 Mac 2015 melibatkan **3,035 premis** di seluruh negara dengan penawaran diskaun sehingga **70%** bagi keseluruhan **1.14 juta** produk.
- iii. Meneruskan penyediaan barangan keperluan yang lebih murah melalui **Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)** dan **Kedai Kain Rakyat 1Malaysia (KKR1M)**. Sehingga Mac 2016, sebanyak **185 KR1M** dan **30 KKR1M** telah beroperasi di seluruh Malaysia;
- iv. Melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah semasa permintaan

tinggi pada musim-musim perayaan utama iaitu Hari Gawai, Pesta Keamatan, Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas;

- v. Melaksanakan program **Anugerah Kedai Harga Patut** bagi menggalakkan peniaga menjual barangan pada harga yang berpatutan dan kompetitif tanpa mengabaikan kualiti produk dan perkhidmatan. Sehingga Mac 2016, sebanyak **1,238** premis perniagaan telah diiktiraf sebagai Kedai Harga Patut; dan
- vi. Mewujudkan ***Friends of KPDNKK*** agar rakyat boleh mengutarakan sebarang pandangan, aduan dan isu kepenggunaan khususnya isu harga barang secara terus kepada Kerajaan.

Usaha-usaha ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan dan selaras dengan matlamat sebagai "*The Caring Ministry*", KPDNKK amat memandang serius usaha menangani isu kenaikan harga barangan demi menjaga kepentingan dan kesejahteraan rakyat.